



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 53
No. 18

1hb September 2009

TAMBAHAN No. 101
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 316.

AKTA HARTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) 1955

**PERATURAN-PERATURAN HARTA PUSAKA KECIL
(PEMBAHAGIAN) (PINDAAN) 2009**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 30 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2009**.
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2009.

Pindaan am

2. Peraturan-Peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [P.U. 495/1955], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan perkataan "Collector" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Land Administrator".

Amendment of Third Schedule

7. The Third Schedule to the principal Regulations is amended in paragraph 1—

- (a) by substituting for the words “land or undivided shares” the words “immovable or movable property”; and
- (b) in subparagraph (d), by substituting for the words “land or undivided share” the words “immovable or movable property.”.

Made 20 August 2009
[NRE 44/4/1/11; PN(PU²)211/II]

DATUK DOUGLAS UGGAH EMBAS
Minister of Natural Resources and Environment

P.U. (A) 317.**AKTA LEMBAGA GETAH MALAYSIA (PERBADANAN) 1996****PERINTAH LEMBAGA GETAH MALAYSIA (SES) 2009**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 [*Akta 551*], Menteri setelah berunding dengan Menteri Kewangan membuat perintah yang berikut:

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Lembaga Getah Malaysia (Ses) 2009**.
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2009.
- (3) Perintah ini terpakai hanya bagi Semenanjung Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“getah asli” ertinya semua getah asli dalam bentuk cecair, pepejal atau adunan yang diterbitkan, daripada apa-apa tumbuhan yang menghasilkan lateks;

“getah sebatian” ertinya suatu campuran getah (elastomer) atau apa-apa polimer yang membentuk material dengan apa-apa bahan lain.

Pengenaan ses

3. (1) Ses pada kadar 4.00 sen hendaklah dikenakan ke atas tiap-tiap kilogram getah asli yang—

(a) dieksport atau dipindahkan keluar dari Semenanjung Malaysia termasuk sebarang kandungan getah asli di dalam:

(i) getah sebatian, tidak tervulkan, dalam bentuk primer atau dalam bentuk plat, kepingan atau jalur yang diklasifikasikan di bawah Nombor Kod Sistem Yang Diharmonikan (Kod H.S.) 40.05; dan

(ii) getah tidak tervulkan dalam bentuk lain (misalnya, rod, tiub dan bentuk profil) dan barangan (misalnya, cakera dan gelang) yang diklasifikasikan di bawah Nombor Kod Sistem Yang Diharmonikan (Kod H.S.) 40.06; dan

(b) getah asli yang dijual kepada pengilang di Semenanjung Malaysia.

Penjenisan getah asli

4. Penjenisan getah asli yang dinyatakan dalam subsubperenggan 3(1)(a)(i) dan (ii) hendaklah mematuhi Rukun-Rukun Tafsiran dalam Perintah Duti Kastam 1996 [P.U. (A) 15/1996].

Tempat pemungutan

5. (1) Ses yang dikenakan di bawah subsubperenggan 3(1)(a)(i) dan (ii) hendaklah dipungut di tempat eksport oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

(2) Ses yang dikenakan di bawah subperenggan 3(1)(b) dalam mana-mana bulan kalendar hendaklah dibayar oleh penjual kepada Lembaga tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya.

(3) Bagi maksud subperenggan (1), "tempat eksport" ertinya tempat eksport yang ditentukan di bawah Akta Kastam 1967 [Akta 235] dan Peraturan-Peraturan Kastam 1977 [P.U. (A) 162/1977].

Tanggungjawab pengeksport, pengawet dan penjual

6. (1) Pengeksport, pengawet dan penjual hendaklah mengemukakan laporan yang benar, tepat dan terkini kepada Lembaga bagi semua getah yang dieksport, dipindahkan keluar, diawet atau dijual kepada pengilang, dalam mana-mana bulan kalendar, tidak lewat daripada hari terakhir bulan yang berikutnya, mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga.

(2) Seseorang yang melanggar subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.